



UNTUK SIARAN SEGERA

**KEMPEN LBS FABULOUS *EXTRA* 2022-23 MENAWARKAN
PELBAGAI HADIAH EKSTRA UNTUK DIMENANGI**

Petaling Jaya, 20 Mei 2023 – LBS Bina Group Berhad (LBS), pemaju perumahan terkemuka di Malaysia telah mengadakan cabutan bertuah pertamanya bagi kempen LBS Fabulous Extra 2022-23 yang menawarkan hadiah menarik bernilai sehingga RM400,000.

Pusingan pertama cabutan bertuah kempen LBS Fabulous Extra 2022-23 telah disiarkan secara langsung melalui media sosial Facebook rasmi LBS pada 3hb Mei 2023. Seramai 600 orang pemenang cabutan bertuah telah dipilih secara rawak yang terdiri daripada pembeli rumah LBS. Pemenang cabutan bertuah pusingan ini telah dipilih oleh Tan Sri Ir. Lim Hock San, Pengerusi Eksekutif LBS, diiringi oleh Datuk Wira Joey Lim Hock Guan, Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Sri Daniel Lim Hock Sing dan Dato' Cynthia Lim Mooi Pang, Pengarah Eksekutif, Lucas Lim Kit Kiat, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif bersama Pengarah-Pengarah LBS termasuk Dato' Lim Han Boon serta Dato' Yong Lei Choo.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang bertuah telah berlangsung di galeri jualan KITA @ Cybersouth hari ini. Ganjaran hadiah utama telah ditingkatkan dengan lima buah kereta Perodua Axia ditawarkan. Antara hadiah menarik lain termasuk motosikal SM Sport 110, mesin basuh, peti sejuk, peralatan rumah, sistem hi-fi dan pelbagai lagi.

Pembeli hartanah LBS terpilih dengan harga permulaan RM300,001.00 dan ke atas, bermula daripada 1hb Julai 2022 sehingga 31hb Disember 2022 secara automatiknya layak untuk menyertai cabutan bertuah pertama. Bagi mereka yang tidak berjaya pada pusingan pertama, secara automatik akan layak untuk menyertai cabutan bertuah pusingan kedua.

Tan Sri Ir. Lim Hock San berkata “LBS sentiasa mengambil berat keinginan dan hasrat pembeli rumah dan akan terus berusaha untuk memberi nilai tambah. Diharap cabutan bertuah ini akan memberi pengalaman manis apabila mereka membuat keputusan untuk memiliki rumah LBS sebagai kediaman mereka.”

Di samping berusaha untuk menyediakan perumahan mampu milik, LBS turut memberikan pengalaman membeli rumah yang unik. Kempen ‘LBS Fabulous’ pertama pada tahun lepas, telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan. Oleh itu, kami bukan sahaja memperkenalkan ‘LBS Fabulous’, malah turut menambah lebih ganjaran kepada jumlah keseluruhan hadiah tersebut.”

Pembeli rumah LBS juga berpeluang menikmati insentif tambahan, seperti yuran tempahan rendah, pengecualian cukai guaman, ganjaran kesetiaan, skim pembayaran fleksi, yuran keluar sifar dan pakej perabot.

Selain itu, sebagai sebahagian daripada program kesetiaan LBS dan tanda penghargaan kepada para pembeli rumah LBS, sebuah kerusiurut Ogawa Smart Reluxe Massage Chair bernilai RM10,999 turut ditawarkan semasa majlis penyampaian hadiah yang berlangsung hari ini.

Lebih menarik lagi, bakal pembeli rumah di perbandaran KITA @ Cybersouth yang membuat pembelian daripada 20hb hingga 21hb Mei 2023, juga berpeluang untuk memenangi Televisyen 40” secara percuma. (Tertakluk kepada terma dan syarat)

Layari www.lbs.com.my atau hubungi 1700 81 8998 untuk pertanyaan mengenai produk dan kempen terkini atau layari galeri jualan virtual kami di <https://virtualfair.lbs.com.my/>.

-Tamat-